

# Rafidah dibenar keluar dari hospital

UM 6 NOV 2001

BANDAR SERI BEGAWAN 5 Nov. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang dimasukkan ke sebuah hospital di sini malam tadi kerana masalah penghadaman, dibenarkan keluar hari ini.

Beliau kemudian bersama-sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad menghadiri majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

“Saya rasa lebih sihat. Saya dibenarkan keluar dari Hospital Ripas pagi ini. Saya mempunyai banyak atur cara untuk dipenuhi,” katanya ketika dihubungi pemberita di sini.

Kata Rafidah beliau hanya menghadiri sesi pagi ini dan akan menyertai sesi penuh esok.

Esok, para pemimpin ASEAN akan bertemu dalam apa yang dikenali sebagai ASEAN + 1 dengan rakan sejawatan dari China, Jepun dan Korea Selatan. — *Utusan*